

10/01/2002

Tragedi Gunung Pulai boleh berulang

JOHOR BAHRU, Rabu - Tragedi Gunung Pulai yang dianggap Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai antara banjir lumpur paling dahsyat pernah berlaku di negara ini dikhuatiri boleh berulang jika kerja pembersihan tidak dilakukan segera.

Seorang pakar kaji bumi berkata pemerhatian beliau ke kawasan itu baru-baru ini mendapati longgokan saki baki banjir lumpur termasuk pokok tumbang, batu batan dan tanah berlaku di lereng bukit berkenaan.

"Jika hujan berlaku dikhuatiri longgokan ini menyekat pengaliran air, sekali gus membentuk empangan yang dikhuatiri boleh pecah dan menyebabkan banjir lumpur sekali lagi," kata Pensyarah Kejuruteraan Geoteknikal dan Geologi, Jabatan Geoteknik dan Pengangkutan, Fakulti Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Azman Kassim.

Berikutan itu, katanya kerja pembersihan kesan banjir lumpur dan pemulihan kawasan cerun di Gunung Pulai, dekat sini, yang dikesan berbahaya kepada orang ramai perlu dilaksana segera.

Selain longgokan itu, cerun curam yang berbentuk longkang besar yang boleh mewujudkan aliran air yang deras, turut dikatakan berbahaya dan berpotensi mengakibatkan tanah runtuh pada masa akan datang.

Azman berkata ketika membuat pemerhatian rambang di kawasan itu, beliau mengesan longgokan saki baki banjir lumpur tersekat di beberapa bahagian di lereng sehingga puncak Gunung Pulai.

"Saya juga mengesan beberapa cerun curam berbentuk longkang besar yang agak berbahaya dan perlu diperbaiki segera," katanya ketika ditemui di pejabatnya di sini, hari ini, untuk mendapatkan ulasan mengenai langkah pemulihan dan kerja pembersihan di lereng dan puncak Gunung Pulai yang dilanda tragedi banjir lumpur pada 27 Disember lalu.

Tragedi berkenaan mengorbankan lima nyawa dan merosakkan harta benda serta sebahagian besar sistem ekologi di kawasan terbabit.

(END)